

Impian akhirnya jadi kenyataan

UB 24.11.2017 A8

KOTA KINABALU: Menamatkan pengaji dalam tempoh yang ditetapkan pasti menjadi impian para pelajar khususnya di peringkat pascasiswazah.

Itulah pengalaman yang dikongsi oleh lima pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) yang berjaya menamatkan pengajian dengan status Graduate On Time (GOT) pada Majlis Konvokesyen UMS ke-19.

Mereka ialah Dr Azlina Bujang yang bergraduan dalam Ijazah Doktor Falsafah Teknologi Maklumat dan Dr Muhammad Safuan Yusoff bagi Ijazah Doktor Falsafah Perniagaan Antarabangsa.

Manakala tiga yang lain ialah Rudie Adie Razak bagi Ijazah Sarjana Perniagaan Antarabangsa, Nazneen Islam Rony Ijazah Sarjana Perniagaan Pemasaran Antarabangsa dan Naincie Pindeh untuk Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat.

Ketika ditemui, Azlina berkata cabaran menguruskan pembelajaran secara efisien adalah sangat penting baginya sebagai seorang pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak serta dalam masa yang sama memainkan tanggungjawab sebagai seorang ibu dan juga isteri.

“Namun saya berjaya bergraduan secara GOT atas usaha yang tidak pernah mengalah serta dedikasi kedua-dua penyelia saya sepanjang pengajian.

“Penyelia saya iaitu iaitu Dr Hj Norbayah Mohd Suki dan Prof Madya Dr Hj Norazah Mohd Suki juga telah membawa saya memenangi anugerah Kertas Kerja Terbaik di International Conference on Business and Social Science yang diadakan pada 28 Februari - 1 Mac 2017 di Melaka,” katanya.

Muhammad Safuan turut mengongsi rasa yang sama dan menyatakan selain penyelia yang baik, fokus pada matlamat untuk bergraduan pada masa yang ditetapkan juga menjadi kunci untuk beliau berjaya bergraduan secara GOT.

“Saya dibimbing oleh penyelia saya dengan baik selain diberi pendedahan dalam dunia akademik sebenar sekali gus meningkatkan lagi keyakinan kepada diri saya.

“Saya juga menyertai Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi UMS 2015 (Pereka 2015) dengan

► Lima pelajar pascasiswazah kongsi kegembiraan bergraduan



Dari kiri **MUHAMMAD** Safuan, Naincie, Irma, Norbayah, Norazah, Azlina dan Rudie bergambar kenangan pada majlis konvokesyen itu.

mempertandingkan tiga poster penyelidikan bersama kedua-dua penyelia iaitu Prof Madya Dr Hj Norazah dan Dr Irma Wani Othman dengan ketigatiganya berjaya meraih pingat, satu pingat perak dan dua pingat gangsa,” katanya ketika menceritakan pengalaman manis dalam pengajian.

Bagi Rudie, persediaan minda sebagai seorang penyelidik dan disiplin diri dengan menetapkan tempoh masa bagi setiap langkah dalam membuat kajian hendaklah disematkan dalam diri jika mahu menamatkan

terpaksa berulang alik dari Sabah ke UMSKAL.

“Cabaran akan sentiasa ada dalam pelbagai bentuk tapi ia terpulang pada diri masing-masing bagaimana untuk menghadapi cabaran itu,” ujarnya sambil berpesan kepada generasi muda agar jangan sesekali berputus asa dalam usaha mencapai cita-cita.

Berbeza dengan Nazneen, beliau yang merupakan seorang ibu warganegara Bangladesh menyifatkan asas dalam melengkapkan kajian penyelidikan dalam jangka

cukup untuk menganalisis dan menyimpulkan hasil penyelidikan sekali gus dapat menyiapkan tesis dalam masa yang ditetapkan,” katanya.

Kesemua pelajar berstatus GOT yang ditemui itu dihasilkan di bawah penyeliaan Lt Kol (PA) Prof Madya Dr Hj Norazah Mohd Suki dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, UMSKAL.

Norazah mempunyai 15 tahun pengalaman dalam bidang akademik dan banyak menerima anugerah di peringkat antarabangsa seperti Highly Commended Paper in the 2017 Emerald Literati Network Awards for Excellence, Pembentang Kertas Kerja Terbaik di 2nd Advances in Social Sciences Research International Conference yang berlangsung pada 5-6 Mei 2017 di Bandung Indonesia, Highly Commended Paper in the 2015 Emerald Literati Network Awards for Excellence, dan Winners of the Seventh Annual Excellence in Research Journal Awards by IGI Global.

Untuk rekod, penyeliaan pelajar pascasiswazah adalah berbeza dengan penyeliaan pelajar prasiswazah kerana pembelajaran pelajar pascasiswazah adalah secara penyelidikan yang memerlukan tesis dan kajian disiapkan selama tiga tahun iaitu enam semester bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Manakala peringkat Ijazah Sarjana pula menyaksikan dua tahun iaitu empat semester diperlukan bagi melayakkan pelajar menerima status GOT.

“Cabaran menguruskan pembelajaran secara efisien adalah sangat penting baginya sebagai seorang pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak serta dalam masa yang sama memainkan tanggungjawab sebagai seorang ibu dan juga isteri.”

DR AZLINA BUJANG

Graduan dalam Ijazah Doktor Falsafah Teknologi Maklumat

pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

“Walau apa jua urusan atau tanggungjawab keperluan diri namun masa pengajian yang ditetapkan harus dipenuhi bagi mencapai tahap kematangan kajian itu,” katanya.

Naincie pula berkata, pengurusan masa yang efektif merupakan kunci utama beliau untuk menamatkan pengajian secara GOT.

“Sebagai penyampai berita sambilan di sebuah stesen televisyen yang berpusat di Sabah, komitmen yang tinggi sangat diperlukan apatah lagi

masa yang ditetapkan adalah hasil pemetaan minda selain sentiasa mendapatkan nasihat daripada penyelia.

“Tidak dinafikan pengurusan masa yang efektif juga sangat membantu, justeru saya sentiasa memastikan saya mempunyai masa untuk mendapatkan bimbingan daripada penyelia saya pada setiap minggu.

“Penyelidikan efektif ini memudahkan saya untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS disamping memberi peluang kepada saya untuk mempunyai masa yang